

Dakwaan Dr. Mahathir: Abdul Hadi elak pemberita

UM-17/2/2019 m/s: 3

KEMAMAN 16 Feb. - Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang mengelak daripada menjawab soalan pemberita berhubung dakwaan Pengerusi Pakatan Harapan (PH), Tun Dr. Mahathir Mohamad yang Pas tidak akan menyokong UMNO dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Semenyih.

Sebaik sahaja dihampiri pemberita selepas selesai menyampaikan ucapan penutupan dalam Ijtimak Siber di Dewan Berlian, Majlis Perbandaran Ke-

maman (MPK) di sini hari ini, Abdul Hadi yang diiringi beberapa pengawal terus bergegas menuju ke kereta dan beredar.

Situasi ini berbeza berbanding program yang dihidungnya semalam apabila tiada sebarang kawalan ketat daripada pengawal di Majlis Sambutan Tahun Baharu Cina Peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN)



ABDUL HADI AWANG

Alur Limbat di Dewan Taman Padang Midin, Kuala Terengganu.

Abdul Hadi yang juga Ahli Parlimen Marang mengadakan pertemuan buat kali kedua dengan Dr. Mahathir di Yayasan Al-Bukhari, ibu negara kira-kira pukul 9 pagi semalam.

Dalam pertemuan itu, Dr. Mahathir mendakwa terdapat pengakuan secara tertulis konon-

nya Pas tidak akan menyokong UMNO.

Sedangkan, Abdul Hadi menjelaskan yang pertemuan berkenaan adalah bagi membincangkan penyelarasan pentadbiran antara kerajaan negeri dengan Persekutuan.

Katanya, perbincangan turut menyentuh mengenai royalti petroleum, Majlis Tindakan Ekonomi (MTE) dan projek-projek Kerajaan Persekutuan dan negeri agar tidak wujud sebarang percanggahan.